

Headline	Uniten lahir jurutera tahfiz al-Quran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Page No	21
ArticleSize	109 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,299		



Uniten lahir jurutera tahfiz al-Quran

DALAM usaha melahirkan modal insan yang cemerlang dalam pelbagai bidang, satu memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sebagai satu platform untuk membangunkan pelajar cemerlang dalam kalangan huffaz profesional yang holistik.

Naib Canselor Uniten, Datuk Seri Prof. Mashkuri Yaacob berkata, usaha menyediakan peluang melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian asas, diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang tahfiz dan kejuruteraan sekali gus membuka paradigma baharu dalam penawaran pada peringkat pengajian tinggi di Malaysia.

Katanya, program pengajian yang mendapat kerjasama Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) yang bertindak sebagai pengeloa kurikulum Persijilan Tahfiz al-Quran melalui Darul Quran Jakim itu telah memulakan sesi pengajian pada Februari 2012.

“Melalui beberapa siri perbincangan antara pihak Uniten dan Jabatan Hal Ehwal Agama Sabah serta Jakim, kita telah dapat memperkenalkan Program Tahfiz Kejuruteraan Uniten-Jakim yang telah memulakan sesi pengambilan pelajar pada Februari 2012,” katanya ketika berucap dalam majlis berkenaan dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi MUIS, Datuk Suhaili Said.

Menurut Mashkuri, melalui program tersebut, sebanyak 15 orang telah berjaya mendapat keputusan cemerlang dengan purata nilai gred keseluruhan (CGPA) 3.5 ke atas.

Dalam perkembangan berkaitan, Mashkuri berkata, melihat perkembangan baik dalam bidang kejuruteraan dan pengajian al-Quran, pihaknya berharap lebih banyak kerjasama dapat dijalinkan dengan majlis agama Islam dari negeri-negeri lain.